BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS9 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS21 *Rencana: Adakah Malaysia Sedang Mengalami Penyahindustrian Pramatang?*

MS29 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS33 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS35 **Tinjauan Makroekonomi**

MS39 **Tambahan**


Sorotan Penting

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan S1 2019

Ekonomi berkembang 4.5% dalam keadaan persekitaran global yang mencabar

Aktiviti sektor swasta dan sektor ekonomi utama terus meningkat

Pertumbuhan KDNK Benar



Perbelanjaan isi rumah kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan


Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Sektor pertanian meningkat semula disebabkan oleh pemulihan yang kukuh dalam pengeluaran minyak sawit

Inflasi keseluruhan menurun

Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada suku pertama tahun 2019


Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Harga bahan api domestik yang lebih rendah merupakan penyumbang utama kepada penurunan inflasi keseluruhan

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen IHP




*Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Rencana

Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyahindustrian pramatang apabila penurunan bahagian keluaran melebihi bahagian pekerjaan


Perubahan dalam Bahagian Pekerjaan Perkilangan dan Bahagian KDNK (2018 vs. 2000)



*merujuk AS, Jepun dan Jerman
**merujuk C. Taipei dan Korea

Namun begitu, kadar penyahindustrian telah menjadi perlahan disebabkan oleh produktiviti E&E yang lebih tinggi

Pertumbuhan Produktiviti dalam Sektor Perkilangan



Inisiatif dasar untuk pembangunan yang lebih seimbang

- **Pelaksanaan** pendekatan pelaburan berasaskan prinsip
- **Peningkatan** tenaga mahir dalam sektor perkilangan maju dan perkhidmatan moden
- **Penggunaan** teknologi untuk memperkukuh keupayaan syarikat

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang pada suku pertama 2019.**
- **Permintaan luaran yang lebih rendah menyebabkan prestasi eksport dalam ekonomi serantau semakin lembap.**
- **Walau bagaimanapun, volatiliti pasaran kewangan berkurang, disokong oleh keadaan monetari ekonomi maju yang akomodatif.**


Ekonomi global terus berkembang

Ekonomi global terus berkembang pada suku pertama 2019. Banyak ekonomi maju dan ekonomi serantau mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan atau mampan pada suku tersebut, kecuali Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK).

Pertumbuhan ekonomi AS meningkat dengan pesat melangkaui unjuran pasaran. Walau bagaimanapun, peningkatan ini didorong terutamanya oleh sokongan sementara daripada penambahan inventori. Pelaburan swasta berkurang, menunjukkan kegiatan dalam negeri yang lemah. Di kawasan euro, pertumbuhan pada amnya mampan berikutan sedikit perkembangan yang tidak begitu menggalakkan dalam beberapa ekonomi utama. Di Jerman (mencakupi 29% daripada KDNK kawasan euro), industri automobilnya telah terjejas oleh pelaksanaan piawaian baharu bagi pelepasan asap bahan api oleh kenderaan yang menggunakan diesel. Pelaksanaan piawaian baharu itu telah menjejaskan jualan kenderaan di dalam dan luar negeri. Memandangkan rangkaian pengeluaran rantaian nilai yang luas merentas beberapa negara di kawasan euro, kesan pelaksanaan piawaian baharu itu turut menjejaskan negara-negara di kawasan tersebut. Di UK, pertumbuhan ekonominya bertambah baik disebabkan oleh penambahan inventori sebelum Brexit.

Aktiviti ekonomi global terus meningkat pada S1 2019

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih




Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan Republik Rakyat China (RR China) kekal stabil. Pelaburan dalam infrastruktur, serta reformasi cukai dan rangsangan monetari yang bersasaran telah menyumbang kepada kegiatan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan. Sementara itu, pertumbuhan negara-negara Asia yang lain lebih sederhana, apabila permintaan dalam negeri yang stabil telah diimbangi oleh eksport yang lebih lemah.

Pertumbuhan eksport negara serantau menguncup pada S1 2019


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia

Volatiliti pasaran kewangan reda

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport lebih rendah

Kesemua ekonomi Asia, kecuali RR China, mencatatkan penguncupan dalam pertumbuhan eksport pada suku pertama. Hal ini mencerminkan permintaan luaran yang lebih lemah secara keseluruhan. Kemerosotan yang besar ini juga sebahagiannya disebabkan oleh kesan daripada kegiatan eksport yang dibuat lebih awal pada suku-suku sebelumnya.

Eksport EA-8[1] ke RR China merosot sebanyak 8%, disebabkan oleh kemerosotan yang mendadak dalam eksport RR China ke AS. Kemerosotan ini berpunca daripada eksport kelengkapan dan peralatan elektronik yang lebih rendah berikutan pengenaan tarif yang lebih tinggi oleh AS ke atas produk berasaskan teknologi keluaran RR China pada separuh kedua tahun 2018. Sebaliknya, eksport EA-8 ke AS meningkat sebanyak 12%. Hal ini berpotensi menunjukkan peralihan rantaian bekalan serantau memandangkan negara pengeksport EA-8 ingin mengelak daripada kesan berpanjangan daripada tarif AS yang lebih tinggi ke atas import dari RR China.

Volatiliti pasaran kewangan berkurang

Volatiliti pasaran berkurang pada suku pertama, disokong oleh perubahan dalam pendirian dasar monetari bank-bank pusat utama. Penangguhan langkah untuk mengembalikan dasar monetari ke paras lebih wajar oleh Federal Reserve AS, dan pengumuman pusingan baharu pembiayaan bank bersasaran oleh *European Central Bank* (ECB) telah menyebabkan keadaan kewangan global menjadi lebih baik serta sentimen pelabur yang lebih positif. Tanda-tanda perkembangan positif dalam rundingan perdagangan antara AS dengan RR China juga telah meningkatkan pasaran pada suku pertama 2019. Keadaan kewangan dalam negara sedang pesat membangun yang lain bertambah baik, seperti yang ditunjukkan oleh indeks ekuiti yang kembali pulih selepas mengalami tempoh penjualan pada suku sebelumnya.

Harga purata minyak mentah Brent menurun kepada USD64 setong (S4 2018: USD69) disebabkan oleh jangkaan yang berterusan bahawa terdapat lebihan bekalan minyak dunia. Namun begitu, harga minyak disokong oleh pengurangan keluaran oleh OPEC+ dan gangguan bekalan minyak mentah, terutamanya di Venezuela.

[1] EA-8 merujuk Hong Kong SAR, Korea, China Taipei, Singapura, Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku pertama tahun 2019.**
- **Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah, manakala inflasi teras kekal stabil.**
- **Lebihan akaun semasa imbangan pembayaran meningkat kepada RM16.4 bilion.**

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku pertama 2019

KDNK keseluruhan meningkat sederhana sebanyak 4.5% pada suku pertama tahun 2019 (S4 2018: 4.7%), didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang. Berdasarkan pelarasan bermusim suku tahunan, ekonomi negara meningkat 1.1% (S4 2018: 1.3%).

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan


Permintaan dalam negeri berkembang 4.4% pada suku pertama (S4 2018: 5.7%), disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh dalam keadaan perbelanjaan modal yang semakin lemah.

Selepas mencatatkan perbelanjaan yang mantap bagi tiga suku tahunan berturut-turut, pertumbuhan penggunaan swasta menjadi sederhana tetapi kekal teguh pada 7.6% (S4 2018: 8.4%). Hal ini mencerminkan terutamanya perbelanjaan yang kembali ke paras wajar berikutan pembelian kukuh yang dibuat lebih awal pada tempoh pelepasan cukai. Namun begitu, perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga.

Penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.3% (S4 2018: 4.0%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan yang sederhana pada S1 2019

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar (pada harga malar tahun 2015)*




* Bermula suku pertama tahun 2019, KDNK Malaysia pada harga malar telah diasaskan semula daripada tahun asas 2010 kepada tahun asas 2015

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta kekal pemacu utama pertumbuhan


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemerosotan dalam pembentukan modal tetap kasar

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan serta pelaburan modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup sebanyak 3.5% (S4 2018: 0.6%) akibat pelaburan sektor swasta dan awam yang lebih perlahan. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk struktur merosot sebanyak 1.3% (S4 2018: 1.3%) dalam keadaan aktiviti pasaran harta tanah yang lembap. Perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan mencatatkan penguncupan yang lebih tinggi sebanyak 7.4% (S4 2018: -1.3%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan perbelanjaan untuk kelengkapan pengangkutan. Pelaburan dalam jenis aset lain juga merosot sebanyak 2.2% (S4 2018: 4.5%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih rendah.

Pertumbuhan pelaburan swasta berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 0.4% (S4 2018: 5.8%). Kegiatan pelaburan terjejas akibat ketidakpastian mengenai rundingan perdagangan global dan kelemahan yang masih wujud dalam segmen harta tanah yang luas. Walau bagaimanapun, perbelanjaan untuk projek jangka panjang yang besar memberi sedikit sokongan kepada pertumbuhan pelaburan, terutamanya dalam subsektor perkilangan berkaitan sumber dan perkhidmatan utiliti.

Pelaburan awam merosot lagi sebanyak 13.2% (S4 2018: -5.9%), disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam.


Pertumbuhan yang sederhana merentas kebanyakan sektor diimbangi sebahagiannya oleh pemulihan dalam pertumbuhan sektor pertanian

Sektor perkhidmatan meningkat sederhana apabila subsektor perdagangan borong dan runcit mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan penggunaan swasta yang telah kembali ke paras yang wajar selepas tempoh pelepasan cukai. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang sederhana ini diimbangi sebahagiannya oleh penjualan kereta yang lebih tinggi dengan keluaran model kereta yang baharu. Subsektor kewangan dan insurans meningkat dengan kukuh, disokong oleh premium yang lebih tinggi berbanding tuntutan yang mengimbangi pembiayaan yang lebih perlahan. Subsektor utiliti mencatatkan peningkatan disebabkan oleh permintaan terhadap elektrik yang lebih tinggi, terutamanya daripada isi rumah berikutan keadaan cuaca yang lebih panas. Subsektor maklumat dan komunikasi terus disokong oleh permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana, didorong terutamanya oleh kemerosotan dalam kelompok elektronik dan elektrik (E&E) serta kelompok keluaran berkaitan sumber. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kelompok E&E adalah disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah terhadap separa konduktor. Pelaksanaan piawaian pengeluaran asap yang lebih ketat di Kesatuan Eropah dan rebat cukai kereta yang tamat tempohnya di RR China menjejaskan permintaan terhadap separa konduktor automatif. Pertumbuhan dalam kelompok keluaran berkaitan sumber juga menjadi sederhana disebabkan penutupan loji pengeluaran gas yang tidak dirancang di Sarawak pada bulan Februari menjejaskan pengeluaran produk petroleum yang ditapis, terutamanya gas asli cecair. Sementara itu, pemulihan dalam pengeluaran produk berasaskan minyak sawit mendorong kepada peningkatan kelompok keluaran berkaitan pengguna pada suku tersebut.

Perkembangan lebih sederhana dalam kebanyakan sektor dalam ekonomi


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan

Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pertanian kembali positif disebabkan oleh pemulihan hasil minyak sawit yang ketara selepas mengalami cuaca buruk pada tahun lepas. Selain itu, pengeluaran getah asli bertambah baik apabila harga getah yang lebih tinggi menjadi pendorong kepada aktiviti penorehan pada suku pertama.

Pertumbuhan dalam sektor perlombongan terus merosot apabila pengeluaran minyak terjejas terutamanya akibat penutupan loji yang tidak dirancang di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pertumbuhan turut terjejas akibat pengeluaran gas asli yang menurun berikutan operasi yang terjejas oleh penutupan loji gas yang tidak dirancang.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah mencerminkan kegiatan subsektor bukan kediaman, kejuruteraan awam dan pertukangan khas yang lebih perlahan. Projek-projek petrokimia yang besar yang hampir siap mengakibatkan pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh pengurangan kerja-kerja awal daripada projek pengangkutan yang beralih kepada fasa pertengahan. Dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman, pertumbuhan kekal lemah disebabkan oleh lebihan bekalan harta tanah komersial dan jumlah harta tanah kediaman tidak terjual yang tinggi.

Inflasi keseluruhan menjadi negatif disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun kepada -0.3% pada S1 2019 (S4 2018: 0.3%).

Penurunan ini adalah disebabkan terutamanya oleh harga bahan api domestik yang lebih rendah, berikutan pelaksanaan semula mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk bahan api mulai 5 Januari 2019 dalam keadaan harga minyak dunia yang lebih rendah pada suku pertama. Harga siling yang lebih rendah bagi petrol RON95 pada RM2.08/liter berkuat kuasa 2 Mac 2019 turut membantu membendung kenaikan harga bahan api domestik pada bulan Mac.


Inflasi negatif pada suku pertama tidak menyeluruh, dengan 81% daripada barangan pengguna tidak mengalami penurunan harga.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan, tidak berubah pada 1.6%. Walaupun pengembangan aktiviti ekonomi yang stabil disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang berterusan, tekanan inflasi dalam ekonomi yang didorong oleh permintaan kekal dibendung dengan ketiadaan tekanan gaji yang berlebihan dan terdapat lebihan kapasiti dalam stok modal.

Inflasi keseluruhan yang menurun mencerminkan harga bahan api domestik yang lebih rendah

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



- Inflasi keseluruhan (%)
- Inflasi teras[1] (%)
- Inflasi teras[1] (mata peratusan)
- Bahan api (mata peratusan)
- Lain-lain[2] (mata peratusan)
- Kesan bersih daripada perubahan dasar cukai penggunaan (mata peratusan)


[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.
[2] Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Bahagian barangan pengguna yang mencatatkan penurunan harga kekal kecil

Rajah 10: Perubahan Suku Tahunan dalam IHP

Peratusan barangan IHP (%)




Nota: Bahagian barangan pengguna yang lebih besar yang mencatatkan penurunan harga pada S2 2018 dan S3 2018 adalah disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan pada kadar sifar. Rajah ini berdasarkan perubahan suku tahunan dalam IHP untuk 125 kelas perbelanjaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Guna tenaga terus meningkat meskipun pada kadar yang lebih sederhana


Rajah 11: Pertumbuhan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor perkilangan terus mampan

Rajah 12: Upah Sektor Perkilangan Agregat



Nota: Upah sektor perkilangan diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah guna tenaga terus bertambah walaupun pada kadar yang lebih sederhana pada 2.2% (S4 2018: 2.4%), dalam keadaan kadar pengangguran yang stabil (3.3%; S4 2018: 3.3%). Sektor perkhidmatan mencatatkan pertambahan guna tenaga bersih yang kukuh.

Pertumbuhan upah sektor perkilangan kekal mantap pada kadar 7.0% (S4 2018: 9.8%). Kenaikan upah dalam industri yang berorientasikan eksport (7.7%; S4 2018: 10.8%) terus mengatasi kenaikan upah dalam industri yang berorientasikan dalam negeri (5.2%; S4 2018: 6.6%).

Lebihan akaun semasa meningkat

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM16.4 bilion pada suku pertama (S4 2018: RM10.8 bilion), lebihan tertinggi sejak S1 2014 (RM19.8 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar serta defisit pendapatan dan perkhidmatan yang lebih kecil.


Lebihan barangan meningkat kepada RM33.8 bilion (S4 2018: RM32.7 bilion) dalam keadaan import input pengeluaran dan barangan modal yang lebih rendah. Hal ini telah mengimbangi eksport yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan komoditi.

Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM1.8 bilion (S4 2018: -RM3.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih rendah kepada penyedia perkhidmatan pengangkutan asing selaras dengan aktiviti perdagangan yang lebih sederhana. Akaun perjalanan juga mencatatkan lebihan yang lebih besar (RM7.9 bilion; S4 2018: RM7.7 bilion) disebabkan oleh bayaran perjalanan keluar yang lebih rendah.

Dalam akaun pendapatan, defisit pendapatan yang lebih kecil dalam akaun primer (-RM10.1 bilion; S4 2018: -RM12.9 bilion) adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran pelaburan portfolio yang lebih rendah (RM4.7 bilion; S4 2018: RM7.3 bilion). Defisit pendapatan sekunder berjumlah RM5.5 bilion (S4 2018: -RM5.2 bilion), disebabkan pengiriman wang ke luar oleh pekerja asing yang berterusan.

Imbangan akaun semasa lebih tinggi


Rajah 13: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung disebabkan oleh aliran FDI yang lebih tinggi

Rajah 14: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Perubahan arah akaun pelaburan portfolio pada S1 2019 disebabkan oleh aliran masuk pelabur bukan pemastautin

Rajah 15: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun kewangan

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM13.8 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM6.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank oleh institusi kewangan domestik. Aliran masuk bersih daripada pelaburan langsung dan portfolio pada suku pertama mengimbangi sebahagiannya aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam akaun pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM16.3 bilion (S4 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion), disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih tinggi, sebanyak RM21.7 bilion (S4 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM12.9 bilion). Aliran masuk ini mencerminkan sebahagiannya pelupusan kepentingan ekuiti dalam syarikat penjagaan kesihatan swasta kepada pelabur Jepun dan penubuhan usaha sama dalam sektor minyak dan gas. Dari segi sektor, FDI disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, khususnya subsektor penjagaan kesihatan, dan sektor perkilangan. Pelaburan langsung luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM5.5 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM10.8 bilion). Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan kewangan dan sektor perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.1 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM5.8 bilion). Pada suku pertama, sentimen pelabur dalam rantau ini nyata bertambah baik, susulan daripada penunjuk oleh Federal Reserve AS (*the Fed*) bahawa dasar akomodatif monetari yang akan dikembalikan ke paras yang wajar diberhentikan sementara, dan kemajuan dalam rundingan perdagangan antara AS dengan RR China. Hal ini mencerminkan pelaburan portfolio bukan pemastautin yang kembali pulih (S1 2019: aliran masuk bersih sebanyak RM13.5 bilion; S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM2.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembelian sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi. Aliran masuk portfolio bukan pemastautin diimbangi sebahagiannya oleh pemerolehan aset yang berterusan oleh pemastautin yang menyebabkan aliran keluar bersih menjadi lebih tinggi, sebanyak RM11.4 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.3 bilion).

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM31.9 bilion (S4 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion). Aliran keluar bersih ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik peminjaman antara bank. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah +RM2.9 bilion, atau +0.7% daripada jumlah dagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD103.0 bilion pada akhir bulan Mac 2019, berbanding USD101.4 bilion pada akhir bulan Disember 2018.

Hutang luar negeri kekal terurus


Hutang luar negeri Malaysia lebih rendah pada RM903.7 bilion, atau 59.5% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2019 (akhir bulan Disember 2018: RM924.9 bilion atau 63.9% daripada KDNK). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh bayaran balik bersih bagi peminjaman antara bank dan kredit perdagangan, serta pengurangan deposit bukan pemastautin. Terdapat juga pelarasan penilaian semula daripada ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau dan utama pada suku pertama tahun 2019. Hal ini diimbangi pada sebahagiannya oleh terbitan bersih bon dan nota serta pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin dan pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matang serta terdapat aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (32.7%; akhir bulan Disember 2018: 31.1%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 63.2%) dan deposit dalam ringgit (bahagian sebanyak 17.6%) dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian berikutan turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM607.9 bilion atau 67.3% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi mata wang asing dan sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman luar pesisir. Pada akhir bulan Mac 2019, peminjaman luar pesisir menurun kepada RM546.9 bilion atau 36.0% daripada KDNK (akhir bulan Disember: RM566.9 bilion atau 39.2% daripada KDNK). Sektor korporat mencakupi lebih separuh daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing dan tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai.

Hutang luar negeri lebih rendah pada S1 2019


Rajah 16: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: -RM21.2 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan keperluan melindung nilai

Rajah 17: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dari segi instrumen, 35.4% (atau RM215.3 bilion) hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing terdiri daripada peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. Dalam peminjaman antara bank ini, 80.7% peminjaman dalam kumpulan adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan yang stabil daripada bank yang berkaitan di luar negeri, seperti bank induk, pejabat serantau dan anak syarikat, yang mencerminkan mudah tunai berpusat dan amalan pengurusan pendanaan bank. Pada suku pertama, hutang luar negeri jangka pendek bank dalam denominasi mata wang asing menurun sebanyak RM30.7 bilion berikutan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank. Hal ini mencerminkan terutamanya keperluan pendanaan beberapa bank asing yang lebih rendah, termasuk bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Risiko pertukaran asing, yang diukur dalam kedudukan terbuka bersih pendedahan[2] dalam denominasi mata wang asing kekal rendah pada 5.1% daripada jumlah modal bank. Hal ini mencerminkan pendirian bank yang terus berhati-hati dalam menguruskan risiko yang berpunca daripada peminjaman luar negeri mereka.

Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM157.6 bilion pada akhir bulan Mac 2019. Terbitan bon dan nota jangka panjang ini menyumbang 25.9% kepada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Bon dan nota ini diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan khususnya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Kerajaan Persekutuan juga menerbitkan bon Samurai berjumlah RM7.4 bilion pada suku pertama. Pinjaman antara syarikat berkaitan berjumlah RM105.6 bilion dan merupakan 17.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing. Pinjaman ini lazimnya berdasarkan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi. Kira-kira 80% daripada pinjaman antara syarikat telah diperoleh syarikat multinasional (MNC) daripada syarikat induk dan syarikat sekutu di luar negeri.

[2] Merujuk jumlah teragregat (aggregated sum) kedudukan mata wang asing jangka pendek atau panjang bersih bagi semua mata wang merentas bank.

Dari perspektif tempoh matang, 59.2% daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir bulan Disember: 56.2%), menunjukkan risiko pelanjutan yang terhad. Hutang luar negeri jangka pendek merupakan baki 40.8% daripada jumlah hutang luar negeri. Pada 30 April 2019, rizab antarabangsa berjumlah USD103.4 bilion, yang mencukupi untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh, dan merupakan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Yang penting, rizab bukanlah satu-satunya cara bagi bank dan syarikat untuk memenuhi obligasi luaran mereka. Liberalisasi secara progresif terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing membawa kepada peningkatan aset luaran bukan rizab yang ketara. Khususnya, bank dan syarikat memegang kira-kira tiga perempat daripada aset luaran Malaysia bernilai RM1.7 trilion. Aset luaran ini boleh digunakan untuk membayar obligasi hutang luar negeri mereka sebanyak RM698.6 bilion, tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Walaupun kadar pertukaran asing yang fleksibel merupakan faktor perlindungan yang utama, rizab antarabangsa yang mencukupi dan ketersediaan aset luaran mata wang asing bank dan syarikat yang besar akan terus menjadi penampan dasar yang penting terhadap sebarang kemungkinan kejutan luaran.

Rencana

Adakah Malaysia Sedang Mengalami Penyahindustrian Pramatang?

Oleh: Tengku Mohamed Asyraf, Devendran Nadaraja, Afif Shamri, Rubin Sivabalan

SOROTAN PENTING

- **Malaysia telah mengalami penyahindustrian pramatang sejak awal 2000-an, disebabkan terutamanya oleh persaingan global yang semakin sengit dan kelemahan sektor perkilangan untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai.**
- **Walau bagaimanapun, proses penyahindustrian ini telah menjadi semakin perlahan baru-baru ini, disebabkan oleh peningkatan produktiviti dalam subsektor E&E hasil daripada pempelbagaian secara mendatar dan peningkatan guna tenaga yang bermahiran tinggi.**
- **Dalam memastikan pembangunan ekonomi yang selanjutnya, strategi pembangunan seimbang perlu menyasarkan kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan moden**

Proses perindustrian merupakan langkah penting bagi sesebuah negara untuk mencapai tahap pendapatan yang tinggi. Haluan ini ditempuh oleh kebanyakan negara Barat semasa Revolusi Perindustrian Pertama dan Kedua, serta oleh Ekonomi Perindustrian Baharu (*Newly Industrialised Economies*, NIE) yang terkini seperti Korea, Taiwan dan Singapura. Setelah mencapai status pendapatan tinggi ini, kebanyakan negara akan mengalami penyahindustrian, kerana negara-negara tersebut mula menggunakan teknologi yang menjimatkan tenaga pekerja pada skala besar-besaran. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, negara-negara sedang membangun telah mula mengalami penyahindustrian pramatang atas sebab-sebab yang sangat berbeza, iaitu kerana sektor perkilangan mereka berhadapan dengan persaingan sengit daripada pasaran global. Rencana ini akan membincangkan sifat penyahindustrian di Malaysia dan membuat perbandingan dengan ekonomi maju tentang pendorong utama kepada proses ini. Rencana ini juga akan membincangkan pemikiran terkini mengenai strategi dasar dalam menangani isu penyahindustrian pramatang.

Apakah perbezaan haluan dalam penyahindustrian?

Penyahindustrian merupakan peringkat semula jadi bagi pembangunan sesuatu ekonomi, apabila ekonomi mula mengalihkan sumber mereka daripada perkilangan kepada perkhidmatan hasil daripada pertumbuhan produktiviti perkilangan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan yang tinggi apabila masyarakat menjadi lebih kaya. Hal ini merupakan sebahagian daripada haluan transformasi struktur ekonomi (IMF, 2018), iaitu ekonomi lazimnya beralih daripada pertanian kepada perkilangan dan seterusnya kepada perkhidmatan, seiring dengan perkembangan ekonomi. Haluan penyahindustrian ini merupakan perkembangan yang positif kerana pertumbuhan produktiviti perkilangan yang tinggi, biasanya disebabkan oleh penggunaan teknologi yang menjimatkan tenaga pekerja. Perkembangan ini membayangkan bahawa pekerja perkilangan telah menjadi sangat produktif sehingga ekonomi memerlukan hanya sedikit pekerja untuk memenuhi permintaan keseluruhan. Hal ini diukur oleh kemerosotan yang berterusan bahagian guna tenaga perkilangan disertai dengan penurunan bahagian keluaran perkilangan yang lebih sederhana dalam ekonomi (IMF, 2018). Contoh-contoh ekonomi yang pernah melalui haluan penyahindustrian ini termasuklah AS, EU dan Jepun apabila bahagian guna tenaga perkilangan mereka telah menurun lebih cepat berbanding dengan bahagian keluaran perkilangan mereka sejak tahun 1970-an.

Walau bagaimanapun, penyahindustrian pramatang adalah haluan yang kurang wajar bagi penyahindustrian apabila penyahindustrian ini dikaitkan dengan penurunan daya saing perkilangan dan bukannya produktiviti perkilangan yang tinggi. Bentuk penyahindustrian ini biasanya akan mengakibatkan ekonomi mengalami penguncupan yang lebih cepat dalam bahagian keluaran perkilangan mereka berbanding dengan bahagian guna tenaga perkilangan. Rodrik (2016) mendapati bahawa ekonomi yang sedang mengalami penyahindustrian pramatang kebanyakannya adalah dari Amerika Latin dan Afrika Sub-Sahara, seperti Brazil, Argentina, Afrika Selatan dan Ghana. Haluan penyahindustrian ini menjejaskan pembangunan ekonomi negara kerana sektor perkilangan merupakan sumber penting bagi kewujudan produk berkualiti tinggi, produktiviti tinggi, guna tenaga berpendapatan tinggi dan penerapan dan pembangunan teknologi.

Jadual 1: Tanda-tanda penyahindustrian positif berbanding penyahindustrian pramatang


Tanda-tanda	Penyahindustrian	
	Positif	**Pramatang**
Punca	Penggunaan teknologi penjimatan buruh	Kejatuhan daya saing sektor pembuatan
Tahap tertinggi bahagian guna tenaga perkilangan*	~30%	~15%
KDNK per kapita pada tahap tertinggi bahagian guna tenaga perkilangan*	Dolar Antarabangsa 18,000	Dolar Antarabangsa 14,000
Penurunan relatif dalam guna tenaga berbanding dengan bahagian keluaran	Penurunan bahagian guna tenaga lebih besar daripada penurunan bahagian keluaran	Penurunan bahagian guna tenaga kurang daripada penurunan bahagian keluaran

* Catatan: Merujuk kepada hasil bagi sampel ekonomi maju dan menengah dalam Kirsh (2018)

Malaysia: Penyahindustrian yang Positif atau Penyahindustrian Pramatang?

Berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Jadual 1, didapati bahawa Malaysia telah menunjukkan tanda-tanda penyahindustrian pramatang. Ekonomi Malaysia mula mengalami penyahindustrian sejak tahun 2000 dan mencapai bahagian guna tenaga paling tinggi dalam perkilangan pada 23.5% pada tahap pendapatan KDNK per kapita[1] sebanyak Dolar Antarabangsa 9,500. Angka ini adalah jauh lebih rendah daripada bahagian guna tenaga tertinggi yang dicapai oleh ekonomi maju apabila mereka mula mengalami


Rajah 1: Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyahindustrian pramatang dengan penurunan bahagian keluaran perkilangan yang secara relatif lebih besar berbanding dengan pekerjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, CEIC, Haver dan World Bank


[1] Merujuk paras pendapatan diukur pada harga malar tahun 2005 Dolar Antarabangsa ke atas pariti kuasa beli (PPP). Angka tersebut telah diambil daripada Penn World Table 7.1 (2012).

Rajah 2: Kemasukan RR China ke WTO pada tahun 2001 sebahagiannya mengakibatkan pengurangan bahagian pekerjaan perkilangan Malaysia dan mengurangkan daya saing eksport E&E ekonomi serantau



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, CEIC dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Rajah 3: Tidak seperti ekonomi di serantau yang lain, sektor perkilangan Malaysia menjana pekerjaan yang lebih rendah di dalam segmen nilai ditambah yang tinggi



Sumber: de Vries, Chen, Hasan dan Li (2016) dan pengiraan Bank Negara Malaysia

penyahindustrian (30% bahagian guna tenaga), dan jauh di belakang paras pendapatan KDNK per kapita (Dolar Antarabangsa 18,000) (Kirsh, 2018). Bukti lanjut yang menunjukkan ekonomi mengalami bentuk penyahindustrian yang kurang wajar adalah penurunan serentak dalam guna tenaga serta bahagian keluaran perkilangan, yang menandakan bahawa penurunan guna tenaga bukanlah hasil daripada peningkatan produktiviti, tetapi akibat daya saing yang lebih rendah.

Kehilangan daya saing sebahagiannya disebabkan oleh penyertaan RR China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), yang bertepatan dengan masa pengurangan kepentingan bahagian guna tenaga perkilangan Malaysia (Rajah 2). Walau bagaimanapun, kehilangan daya saing kepada negara RR China bukan hanya dialami oleh Malaysia kerana ekonomi Asia yang lain juga telah mengurangkan guna tenaga dalam sektor berkemahiran rendah. Walau bagaimanapun, perbezaannya ialah negara-negara lain seperti Korea dan China Taipei[2] telah tampil dengan menghalang penyahindustrian pramatang melalui pewujudan pekerjaan dalam segmen lain yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam rantaian nilai perkilangan, iaitu satu keadaan yang kurang jelas berlaku di Malaysia (Rajah 3).

[2] Penyahindustrian positif China Taipei yang berjaya adalah hasil daripada penggunaan strategi "memelihara akar yang ditanam di China Taipei sambil membiarkan cabang dan daun berkembang ke luar negara" (Chen, 2005). Strategi ini memerlukan penghasilan produk nilai ditambah lebih tinggi dikekalkan di dalam negara, manakala kegiatan intensif buruh dilakukan di luar negara. Yang penting, kedua-dua negara China Taipei dan Korea juga mengekalkan fungsi berasaskan inovasi seperti membangunkan produk baharu di dalam negara, di samping memindahkan pekerjaan perkilangan berasaskan pengeluaran ke luar negara.

Dua penjelasan dalam kajian telah dikemukakan bagi menerangkan kelemahan sektor perkilangan di Malaysia untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Pertama, landskap dasar yang kurang wajar dan ketiadaan penyelarasan antara industri dengan Kerajaan telah menyebabkan kurangnya peningkatan tahap teknologi dalam sektor perkilangan (lihat Rasiah (2011) dan Menon dan Ng (2015)). Pandangan kedua menyatakan bahawa peningkatan perindustrian di Malaysia adalah perlahan disebabkan oleh pemusatan besar firma-firma bersaiz mikro, kecil dan sederhana dalam sektor perkilangan. Firma-firma yang lebih kecil ini menghasilkan jumlah pengeluaran yang rendah atau tidak mempunyai permintaan yang konsisten terhadap produk mereka. Oleh itu, mereka tidak dapat menggunakan kaedah penyelesaian secara automasi, yang mahal kosnya, memerlukan intensif modal dan mempunyai tempoh bayaran balik pinjaman yang lebih lama. Bagi firma berorientasikan eksport, kesukaran menaikkan taraf operasi juga adalah disebabkan oleh keupayaan yang terhad untuk memulakan inovasi produk kerana mereka lebih banyak terlibat dalam aktiviti berkaitan pengeluaran bagi pihak pelanggan antarabangsa, dengan pemilikan terhad ke atas produk akhir itu sendiri (Khazanah Research Institute, 2017). Walau bagaimanapun, hal ini tidak menghalang firma tempatan daripada menjalankan inovasi proses, kerana peratusan firma Malaysia yang telah memulakan proses tersebut adalah setanding dengan negara serantau (World Bank Enterprise Survey, 2016).


Meskipun berlaku perkembangan sedemikian, beberapa perbezaan penting mengenai penyahindustrian Malaysia yang perlu diberikan perhatian.

1. Sungguhpun bahagian keluaran dan guna tenaga perkilangan merosot sehingga tahun 2010, kedudukannya adalah stabil secara relatif pada tahun-tahun seterusnya (Rajah 4). Walaupun masih terlalu awal untuk merumuskan bahawa Malaysia telah berhenti daripada penyahindustrian, namun proses ini telah menjadi sangat perlahan pada beberapa dekad yang lalu.

2. Trend bagi sektor tertentu turut memainkan peranan yang penting untuk menerangkan penyahindustrian di Malaysia. Sebahagian besar penurunan bahagian perkilangan keseluruhan dan kestabilan yang menyusul menjejaki dengan rapat trend dalam subsektor E&E (Rajah 5a). Sementara itu, sektor perkilangan yang lain mengalami perubahan yang lebih perlahan dalam bahagian keluaran dan guna tenaga mereka.


3. Jika dibuat perbandingan antara tempoh sebelum dengan tempoh selepas tahun 2010, subsektor E&E menunjukkan peningkatan dalam produktiviti pada separuh dekad yang kemudian berbanding dengan dekad sebelumnya (Rajah 5b). Kadar produktiviti yang semakin meningkat merupakan sifat penting ke arah proses perindustrian jangka panjang yang lebih positif.

Rajah 4: Walaupun bahagian keluaran perkilangan dan pekerjaan Malaysia menurun sejak mencapai paras tertingginya pada tahun 2000, penurunan ini telah menjadi lebih perlahan mulai dari tahun 2010




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Rajah 5a: Trend dalam subsektor E&E mendominasi keseluruhan bahagian nilai ditambah perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Rajah 5b: Subsektor E&E merupakan satu-satunya kelompok mengalami produktiviti yang bertambah baik mulai tahun 2010 dan seterusnya




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Perkembangan ini nampaknya berakar umbi daripada beberapa perubahan yang berlaku dalam sektor perkilangan baru-baru ini. Pertama, meskipun terdapat kelemahan sektor perkilangan secara amnya untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai, subsektor E&E telah menempuh kejayaan yang besar untuk mengubah kejatuhan dalam bahagian keluaran apabila subsektor ini terlibat dalam pempelbagaian secara mendatar ke arah set baharu segmen produk akhir. Perubahan ini disokong oleh penyertaan yang besar daripada syarikat multinasional (*multinational corporation*, MNC) di Malaysia yang mempunyai rangkaian vendor dengan syarikat E&E tempatan serta kemunculan syarikat E&E awam tersenarai tempatan. Apabila MNC bertindak balas terhadap perubahan utama dalam pasaran E&E global, syarikat di Malaysia bergerak seiring dengan membuat kepelbagaian produk melangkaui komputer peribadi (PC), yang telah mengalami trend yang semakin menurun menjelang tahun 2010 dan selepas itu, kepada segmen produk keluaran akhir yang berkembang dengan pesat seperti telefon pintar, elektronik automotif dan pengkomputeran awan. Akibatnya, subsektor E&E di Malaysia berupaya mencatatkan peningkatan bahagian keluaran dan produktiviti dari tahun 2010[3] dan seterusnya. Meskipun berlaku kekurangan dalam peningkatan fungsi dari segi aktiviti dalam subsektor E&E, kegiatan utamanya masih dikuasai oleh aktiviti pemasangan dan ujian.

Kedua, guna tenaga dalam subsektor E&E juga telah menjadi semakin cenderung kepada kemahiran yang tinggi. Data daripada Penyiasatan Tenaga Buruh antara tahun 2010 dan 2015 menunjukkan komposisi pekerja dalam subsektor E&E beralih daripada penggunaan pekerja langsung yang lazimnya dikaitkan dengan kaedah pengeluaran yang berintensif pekerja (Rajah 6). Hal ini telah digantikan dengan bahagian jurutera dan juruteknik yang lebih tinggi yang mampu mengendalikan jentera dan pengeluaran berautomasi. Meskipun trend ini positif, namun subsektor E&E masih berhadapan dengan kekurangan pekerja berkemahiran tinggi yang besar dalam keadaan untuk meningkatkan automasi dan inovasi.

[3] Bahagian output E&E yang menurun pada era tahun 2000 mencerminkan kesan buruk akibat daripada kemunculan teknologi telefon pintar dan tablet pada pasaran komputer peribadi (PC) global kerana subsektor E&E di Malaysia banyak tertumpu kepada rantaian pengeluaran PC.

Rajah 6: Peralihan E&E ke arah pekerjaan berkemahiran tinggi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ke mana hala tuju Malaysia pada masa hadapan?

Trend yang berlaku sejak kebelakangan ini menunjukkan bahawa Malaysia sudah mula menempuh haluan pembangunan yang lebih positif. Menggunakan pengalaman subsektor E&E pada bahagian industri perkilangan yang lain boleh mempercepat peningkatan produktiviti di seluruh sektor yang juga penting untuk mengatasi penyahindustrian pramatang. Peningkatan ini tidak seharusnya dihadkan kepada sektor perkilangan sahaja. Khususnya, sektor perkhidmatan yang merupakan sektor yang terbesar, perlu memainkan peranan yang lebih penting dan saling melengkapi dengan sektor perkilangan bagi mewujudkan produk yang berkualiti tinggi, produktiviti tinggi dan bergaji tinggi yang merupakan ciri khas bagi ekonomi yang lebih maju.

Pengajaran yang diambil daripada proses pempelbagaian E&E menunjukkan cara yang pragmatik pada masa hadapan yang boleh diterima pakai oleh sektor lain dalam ekonomi untuk meningkatkan produktiviti dan mengatasi "penyahindustrian keluaran pramatang" masing-masing. Penghasilan produk yang lebih kompleks dan canggih boleh menjadi strategi yang berdaya maju untuk meningkatkan daya saing setiap sektor. Satu contoh yang baik ialah industri berasaskan sumber yang berpotensi untuk menghasilkan produk hiliran yang lebih kompleks, seperti bahan kimia dan oleokimia khas. Begitu juga, pengilang kenderaan pengangkutan juga boleh mendapatkan cara untuk membuat kenderaan penumpang yang lebih kompleks seperti kenderaan hibrid dan kenderaan elektrik.

Walaupun industri tersebut berupaya untuk bergerak secara mendatar dan mengeluarkan produk yang lebih kompleks, namun hal ini tidak semestinya akan menghalang penurunan bahagian guna tenaga perkilangan kerana asas kepada perkilangan yang maju memerlukan lebih banyak kelengkapan dan jentera yang lebih berautomasi. Pada masa yang sama, pergantungan kepada pekerja sebagai faktor pengeluaran menjadi semakin berkurang. Hal ini menjelaskan mengapa ekonomi maju masih mengalami bahagian guna tenaga perkilangan yang menurun hingga ke hari ini. Meskipun pergantungan kepada pekerja adalah lebih rendah, namun wujud potensi untuk menambah pekerjaan yang berkemahiran tinggi dan seterusnya gaji yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan sektor pengeluaran yang berteknologi lebih maju.

Dengan mengambil kira trend ini, perkembangan dalam kajian terkini membayangkan bahawa sektor perkhidmatan berupaya memainkan peranan yang lebih besar dalam menyediakan pekerjaan yang berkualiti tinggi untuk melengkapkan proses peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Pewujudan guna tenaga perlu disasarkan kepada subsektor perkhidmatan moden dan bukan subsektor perkhidmatan tradisional. Hal sedemikian adalah kerana subsektor perkhidmatan moden sangat mirip dengan sektor perkilangan dari segi produktiviti, ciri boleh niaga dan penyebaran teknologi (Nayyar et al., 2018). Subsektor perkhidmatan moden ini lazimnya ditakrifkan sebagai sektor perkhidmatan ICT, kewangan dan pengangkutan, serta penyimpanan dan komunikasi. Selain itu,

Gollin (2018) menyatakan bahawa perkhidmatan moden akan turut menghasilkan limpahan teknologi dan pengetahuan yang akan menyediakan peluang untuk pemindahan teknologi dan pelaburan modal, sama seperti sektor perkilangan.

Walau bagaimanapun, strategi pembangunan seimbang yang menyasarkan kepada perkilangan dan perkhidmatan moden diperlukan kerana terdapat beberapa kekangan dalam pergantungan sepenuhnya pada subsektor perkhidmatan moden dalam pembangunan ekonomi. Pertama, meskipun ciri boleh niaga subsektor perkhidmatan moden semakin meningkat, namun bahagiannya dalam perdagangan global secara relatif adalah rendah berbanding perdagangan perkilangan. Hal ini menunjukkan bahawa prestasi eksport ekonomi yang bergantung semata-mata pada perkhidmatan moden mungkin membawa keuntungan yang terhad. Kedua, meskipun terdapat persamaan dalam ciri-ciri sektor perkilangan dengan sektor perkhidmatan moden, subsektor perkhidmatan moden tidak akan berupaya menyerap pekerja kilang berkemahiran rendah dan sederhana yang hilang pekerjaan pada jangka pendek disebabkan oleh keperluan mereka kepada pekerja berkemahiran tinggi, iaitu ciri utama perkhidmatan moden. Hal ini menegaskan pentingnya program peningkatan kemahiran pekerja yang berkesan dan menyeluruh untuk mempercepat pembangunan subsektor perkhidmatan moden bagi memastikan peralihan guna tenaga yang lebih licin.

Bagi memudahkan pelaksanaan strategi pembangunan yang lebih seimbang, beberapa dasar yang penting patut diberi keutamaan. Pertama, pendekatan pelaburan berasaskan prinsip yang jelas perlu digunakan, iaitu yang memberi tumpuan pada pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi, aktiviti nilai tambah yang tinggi dan kerumitan produk yang tinggi. Hal ini akan memastikan ekonomi menarik pelaburan yang akan menggerakkan semua sektor ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai dan menyertai aktiviti moden dan maju yang berkembang dengan pantas dan mempunyai produktiviti yang tinggi. Kedua, keupayaan syarikat tempatan, tenaga mahir dan infrastruktur mesti diperkukuh lagi untuk memanfaatkan peluang yang muncul akibat perubahan landskap ekonomi global. Automasi perindustrian, robot yang canggih dan pendigitalan merupakan proses transformasi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Walaupun firma Malaysia sudahpun menjalankan proses inovasi, masih terdapat keperluan untuk memupuk firma domestik dan bakat untuk menjadi tangkas dalam menangani bentuk baru proses inovasi. Strategi dan hala tuju negara memainkan peranan penting dalam menggerakkan transformasi ini[4]. Dari aspek infrastruktur, kesalinghubungan digital dengan menggunakan jalur lebar berkelajuan tinggi telah menjadi faktor yang sama penting dengan penggunaan infrastruktur fizikal.

Rumusan

Meskipun Malaysia telah mengalami penyahindustrian pramatang sejak awal 2000-an, trend sejak kebelakangan ini menunjukkan bahawa industri tertentu sedang bergerak ke arah haluan pembangunan perindustrian yang lebih positif. Untuk terus mengekalkan kemajuan ekonomi Malaysia, strategi pembangunan yang seimbang diperlukan untuk menyasarkan dan menaikkan taraf perkhidmatan perkilangan dan perkhidmatan moden. Pengalaman baru-baru ini juga menekankan prinsip bahawa hasil yang paling berkesan dapat dicapai apabila Kerajaan dan sektor swasta saling bekerjasama, dan dasar perindustrian dalam bentuk baharu akan memainkan peranan utama dalam memudahkan transformasi struktur dan pembangunan ekonomi.

[4] Contoh strategi dan hala tuju tersebut adalah Industry4WRD, Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) Kebangsaan dan Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan.

Rujukan

Atolia, Manoj, et al. (2018) *Rethinking Development Policy: Deindustrialization, Servicification and Structural Transformation.* International Monetary Fund.

Chen, Xiangming (2005) As Border Bend. Transnational Spaces on Pacific Rim. New York: Rowman and Littlefield Publishers Inc.

de Vries, Gaaitzen J. Quarun Chen, Rana Hasan and Zhigong Li (2016) "Skills and Activity Upgrading in Global Value Chains: Trends and Drivers for Asia." ADB Economics Working Paper Series No. 496.

Enterprise Surveys (http://www.enterprisesurveys.org), The World Bank.

Gollin, Douglas (2018) Structural Transformation without Industrialization. Pathways for Prosperity Commission Background Paper Series; no. 2. Oxford. United Kingdom.

Heston, Alan; Summers, Robert; Aten, Bettina (2012) Penn World Table Version 7.1 Center for International Comparisons of Production, Income and Prices at the University of Pennsylvania.

Khazanah Research Institute (2017) The Times They Are A-Changin': Technology, Employment, and the Malaysian Economy. Kuala Lumpur.

Kirsh, Helen (2018) Premature Deindustrialization and Stalled Development, the Fate of Countries Failing Structural Transformation?. London School of Economics, MSc dissertation.

Menon and Ng (2015), https://blogs.adb.org/blog/reversing-structural-regression-malaysia-manufacturing.

Nayyar, Gaurav; Vargas Da Cruz, Marcio Jose; Zhu, Linghui. (2018) *Does Premature Deindustrialization Matter ? The Role of Manufacturing versus Services in Development (English)*. Policy Research working paper; no. WPS 8596. Washington, D.C. : World Bank Group.

Rodrik, Dani. "Premature deindustrialization." *Journal of Economic Growth* 21.1 (2016): 1-33.

Rasiah, Rajah. "Is Malaysia facing negative deindustrialization?" *Pacific Affairs* 84.4 (2011): 714-735.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING


- **Ringgit menambah nilai dan kadar hasil bon domestik menurun pada suku pertama susulan perkembangan global yang positif. Walau bagaimanapun, FBM KLCI merosot berikutan gabungan faktor luar dan dalam negeri.**
- **Pertumbuhan pembiayaan bersih menjadi sederhana pada suku itu, dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul dan bon korporat terkumpul yang lebih rendah.**

Pasaran kewangan domestik menunjukkan prestasi yang berbeza pada suku pertama

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) dan kadar hasil bon domestik menurun pada suku pertama 2019, didorong terutamanya oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin ke pasaran bon domestik. Khususnya, kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko terhadap aset kewangan serantau meningkat berikutan isyarat penangguhan kenaikan kadar faedah pada 2019 oleh Federal Reserve AS (*the Fed*). Selain itu, perkembangan positif dalam perbincangan perdagangan antara AS dengan RR China pada suku pertama menyumbang kepada sentimen pasaran kewangan yang lebih baik dan menyokong pasaran kewangan serantau, termasuk Malaysia. Hasilnya, pasaran bon Kerajaan mengalami aliran masuk bukan pemastautin sebanyak RM7.3 bilion pada suku itu. Hal ini menyebabkan kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun masing-masing sebanyak 24.1, 23.7 dan 31.5 mata asas, dan ringgit menambah nilai sebanyak 1.4% berbanding dengan dolar AS.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau


Rajah 18: Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (2 Januari - 29 Mac 2019)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun didorong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin


Rajah 19: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran ekuiti domestik terus menurun

Rajah 20: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

Walau bagaimanapun, FBM KLCI merosot 2.8% pada suku pertama untuk ditutup pada 1,643.6 mata pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2018: 1,690.6 mata). Pasaran ekuiti domestik pula terjejas disebabkan oleh gabungan faktor luar dan dalam negeri. Khususnya, sentimen pelabur terjejas akibat prospek pertumbuhan global yang semakin sederhana. Di dalam negeri, harga komoditi yang tidak menentu dan kebimbangan mengenai prospek perolehan korporat juga menyumbang kepada sentimen pelabur yang berhati-hati.

Kadar faedah benar kekal tidak berubah dalam keadaan inflasi keseluruhan yang stabil

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil pada suku pertama. Kadar antara bank merentas semua tempoh matang kekal tidak berubah. Dalam pasaran runcit, kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul masing-masing stabil pada 3.92% (S4 2018: 3.91%) dan 5.43% (S4 2018: 5.43%).


Kadar benar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) juga tidak berubah pada suku pertama, berikutan inflasi keseluruhan yang stabil. Khususnya, kadar benar FD 3 bulan dan 12 bulan kekal tidak berubah masing-masing pada 2.95% (S4 2018: 2.95%) dan 3.13% (S4 2018: 3.13%).

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank meningkat sedikit, iaitu RM1.9 bilion, mencerminkan aliran masuk bersih pada suku tersebut. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Kadar deposit benar kekal stabil


Rajah 21: Kadar Deposit Tetap Benar (mengikut Kematangan) pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank meningkat sedikit pada suku pertama

Rajah 22: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih menjadi lebih sederhana dengan pertumbuhan pinjaman dan bon korporat terkumpul yang lebih rendah

Rajah 23: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Pertumbuhan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Bon korporat terkumpul*

Pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)

Jumlah pembiayaan bersih

*Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat dengan sederhana pada suku pertama

Pada suku pertama, pembiayaan bersih berkembang 5.1% pada asas tahunan (S4 2018: 5.8%). Peningkatan yang sederhana ini mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah dalam pinjaman terkumpul (4.5%; S4 2018: 5.1%)[3] dan bon korporat terkumpul (7.1%; S4 2018: 8.0%)[4]. Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 3.3% (S4 2018: 4.6%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih rendah dalam sektor harta tanah dan pembinaan dalam keadaan segmen harta tanah yang terus lembap, projek berskala besar yang hampir selesai, dan projek baharu yang bersaiz lebih kecil. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman adalah lebih tinggi dalam sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, dan sektor perkilangan, sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dalam sektor-sektor tersebut. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul pada tempoh itu pada amnya mampan pada 5.0% (S4 2018: 5.2%). Pinjaman harta kediaman terus menjadi pemacu utama pengembangan pinjaman isi rumah (3.8 mata peratusan; S4 2018: 4.0 mata peratusan).

[3] Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[4] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **MPC menurunkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Pelarasan ini bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari.**

OPR kekal akomodatif

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee*, MPC) menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada mesyuarat yang berlangsung pada bulan Mei 2019. Berikutan itu, kadar koridor tertinggi dan terendah bagi OPR masing-masing diturunkan kepada 3.25% dan 2.75%.

Walaupun ekonomi dunia terus berkembang, keadaan asas ekonomi terus menunjukkan potensi pertumbuhan masa depan yang agak sederhana. Walau bagaimanapun, masih wujud risiko ketara yang boleh menjejaskan pertumbuhan global yang berpunca daripada ketegangan perdagangan yang berlarutan. Selain itu, kelemahan yang berpanjangan khusus pada negara-negara tertentu dalam ekonomi utama turut menjejaskan aktiviti perdagangan dan pelaburan global. Ketidakpastian dasar yang semakin ketara boleh membawa kepada pelarasan pasaran kewangan yang mendadak, dan seterusnya menjejaskan prospek keseluruhan.

Bagi Malaysia, unjuran asas menunjukkan bahawa ekonomi akan berkembang antara 4.3% hingga 4.8%. Namun begitu, masih wujud risiko pertumbuhan menjadi rendah disebabkan oleh ketidakpastian yang semakin meningkat dalam persekitaran global dan dalam negeri, ketegangan perdagangan serta kelemahan yang berlanjutan dalam sektor berkaitan komoditi.

Inflasi keseluruhan pada amnya dijangka stabil pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018. Walau bagaimanapun, dalam tempoh terdekat, inflasi dijangka terus berada pada paras yang rendah disebabkan terutamanya oleh penetapan harga siling bagi harga runcit bahan api domestik serta kesan perubahan dalam dasar cukai penggunaan. Trajektori inflasi keseluruhan, bagaimanapun, akan terus bergantung pada pergerakan harga minyak dunia. Inflasi asas dijangka terus stabil, disokong oleh aktiviti ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan, meskipun berlaku volatiliti untuk tempoh tertentu yang disebabkan terutamanya oleh perkembangan global. Walaupun keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terdapat tanda-tanda keadaan kewangan menjadi semakin ketat. Oleh itu, pelarasan terhadap OPR adalah bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari. Langkah pelarasan ini adalah sejajar dengan pendirian dasar monetari untuk menyokong pertumbuhan yang berterusan dalam keadaan harga yang stabil.

Pada tahap OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. Pada masa hadapan, MPC akan terus memantau dan menilai imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan domestik dan inflasi.

Sorotan dasar lain pada suku pertama 2019

Dokumen dasar mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan (*Investment-linked*, IL) telah diterbitkan pada bulan Januari 2019 untuk memperkukuh keperluan kehematan dan pengendalian perniagaan IL, dan juga memastikan pemilik polisi/peserta takaful diberikan layanan yang adil. Pelaksanaan Kadar Peruntukan Minimum (*Minimum Allocation Rates*, MAR) bertujuan melindungi nilai akaun pelanggan selaras dengan pemansuhan had komisen dan perbelanjaan agensi[5]. Selain itu, keperluan tertentu juga digariskan untuk menangani jurang dalam amalan industri yang sedia ada dan memastikan tempoh liputan polisi/sijil takaful IL akan berterusan sehingga tamat tempoh kontrak polisi/sijil takaful IL[6]. Keperluan penzahiran[6] juga dipertingkatkan untuk membantu pemahaman pengguna mengenai risiko dan manfaat utama polisi/sijil takaful IL.

Pada bulan Januari 2019, Bank Negara Malaysia menerbitkan dokumen dasar mengenai *Publishing Open Data using Open API* sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menggalakkan perkongsian data yang tersedia[7] untuk awam. Dokumen dasar ini menggariskan cadangan Bank Negara Malaysia kepada industri dalam membangunkan dan menerbitkan *Open Application Programming Interface* (*Open API*) untuk memudahkan akses kepada data yang tersedia untuk awam. Cadangan-cadangan ini merangkumi pertimbangan mengenai reka bentuk *Open API* dan juga langkah-langkah keselamatan yang setara dengan tahap sensitiviti data yang dikongsi menerusi *Open API*. Cadangan ini berlandaskan *Open Data API Specifications* yang dibangunkan oleh Kumpulan Pelaksana *(Implementation Group) Open API*. Kumpulan Pelaksana yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia telah ditubuhkan pada bulan Mac 2018 untuk mengenal pasti dan membangunkan *Open API* yang seragam (*standardised*) bagi kegunaan dalam kes-kes berimpak tinggi. Kumpulan Pelaksana juga telah membangunkan spesifikasi yang seragam bagi *Open API* mengenai maklumat produk yang berkaitan dengan pembiayaan PKS, kad kredit dan insurans/takaful motor. Bank Negara Malaysia menggalakkan institusi kewangan untuk menerima pakai spesifikasi tersebut bagi memastikan penerbitan *Open Data API* yang seragam oleh industri secara keseluruhannya.

[5] Berkuat kuasa 1 Julai 2019 (bagi pengendali insurans hayat) dan 1 Julai 2020 (bagi pengendali takaful keluarga).
[6] Berkuat kuasa 1 Januari 2020 bagi pengendali insurans hayat dan takaful keluarga.
[7] Merujuk data yang tersedia dan boleh digunakan awam yang diterbitkan oleh institusi kewangan, termasuk maklumat produk kewangan (iaitu maklumat utama produk kewangan seperti yang terkandung dalam halaman penzahiran produk, yang memudahkan pelanggan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi).

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Pada tahun 2019, pertumbuhan global dijangka sederhana.**
- **Ekonomi Malaysia diunjurkan terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil.**
- **Inflasi keseluruhan pada amnya dijangka stabil pada tahun 2019.**

Pertumbuhan global lebih sederhana pada tahun 2019


Ekonomi global dijangka berkembang dengan lebih sederhana pada tahun 2019.

Pemangkin sementara pertumbuhan AS daripada rangsangan fiskal dijangka semakin berkurang, manakala permintaan dalam negeri di kawasan euro semakin perlahan. Kegiatan ekonomi di rantau Asia juga diunjurkan lebih perlahan disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih rendah. Namun begitu, dasar kitaran balas yang giat dilaksanakan di RR China akan memberikan sokongan terhadap prospek pertumbuhan disebabkan usaha-usaha kerajaan negara tersebut untuk menangani rintangan luaran.

Secara keseluruhan, risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk meningkat. Sokongan dasar di RR China boleh menjana pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta menyebabkan limpahan terhadap pasaran sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, risiko terhadap pertumbuhan amat ketara berikutan kelemahan yang berpanjangan di kawasan euro, kelewatan dan ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan rundingan Brexit, serta kemungkinan pertikaian perdagangan yang semakin meruncing.

Pertumbuhan global semakin sederhana pada 2019

Rajah 24: Pertumbuhan KDNK




r Ramalan

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (April 2019)

Sentimen semakin sederhana pada S1 2019

Rajah 25: Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil pada tahun 2019

Berlatarkan persekitaran global yang mencabar, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada amnya dijangka kekal mampan pada tahun 2019. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang serta sokongan sederhana daripada sektor luaran.

Perbelanjaan sektor swasta dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Meskipun sentimen pengguna yang baru-baru ini mencapai puncaknya kini menjadi semakin sederhana, perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh peningkatan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan. Kegiatan pelaburan dijangka bertambah baik dipacu oleh pengembangan kapasiti yang berterusan dalam beberapa sektor utama serta sokongan tambahan daripada pelaburan perkilangan baharu seperti dicerminkan oleh kelulusan pelaburan yang tinggi oleh MIDA. Namun demikian, pertumbuhan keseluruhan mungkin terjejas disebabkan sebahagiannya oleh perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah.

Risiko terhadap prospek pertumbuhan cenderung untuk meningkat, berpunca terutamanya daripada ketidakpastian luaran seperti pertumbuhan global yang semakin lemah dan volatiliti pasaran kewangan yang semakin meningkat. Di dalam negeri, gangguan pengeluaran komoditi yang tidak dijangkakan juga boleh menjejaskan prospek pertumbuhan Malaysia.

Purata inflasi keseluruhan kekal stabil secara am pada tahun 2019

Pada tahun 2019, inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 0.7% – 1.7%. Faktor kos domestik[8] dijangka menyebabkan tekanan terhadap inflasi keseluruhan meningkat pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, impak terhadap inflasi keseluruhan akan diimbangi oleh harga minyak dunia yang dijangka lebih rendah berbanding dengan tahun 2018, serta pelaksanaan had paras harga bagi harga runcit bahan api domestik.

Walaupun inflasi keseluruhan dijangka terus rendah dalam tempoh terdekat disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah dasar utama, inflasi akan meningkat berikutan kesan daripada perubahan dasar cukai penggunaan yang akan mula luput.

Prospek inflasi tertakluk kepada beberapa risiko utama. Terdapat risiko harga minyak dunia lebih tinggi daripada unjuran awal. Meskipun kesan harga minyak dunia yang lebih tinggi terhadap harga bahan api domestik adalah sebahagiannya terhad disebabkan oleh had paras harga dalam tempoh terdekat ini, namun kos input bagi firma mungkin meningkat. Terdapat juga kemungkinan penambahan barangan makanan yang akan disenaraikan sebagai barangan kawalan serta pelanjutan tempoh penguatkuasaan skim kawalan harga pada musim perayaan. Kedua-dua faktor ini boleh mengehadkan turun naik inflasi makanan.

Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, dijangka stabil disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan ketiadaan tekanan permintaan yang besar.

[8] Kos faktor domestik termasuk kesan keseluruhan daripada perubahan dasar cukai penggunaan yang akan luput, kenaikan paras gaji minimum dan surcaj tarif elektrik yang lebih tinggi untuk perniagaan.

Tambahan

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2018 (%)	2018			2019
		S1	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	94.1	4.1	5.7	5.5	4.4
Sektor Swasta	*74.2*	5.2	7.8	7.1	5.9
Penggunaan	*57.0*	*6.6*	*8.4*	*8.0*	*7.6*
Pelaburan	*17.3*	*1.1*	*5.8*	*4.3*	*0.4*
Sektor awam	*19.8*	-0.3	0.0	0.1	-1.4
Penggunaan	*12.5*	*0.4*	*4.0*	*3.3*	*6.3*
Pelaburan	*7.4*	*-1.3*	*-5.9*	*-5.0*	*-13.2*
Eksport Bersih	7.0	58.0	15.5	11.4	10.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*67.6*	*2.4*	*3.1*	*2.2*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*60.6*	*-2.3*	*1.8*	*1.3*	*-1.4*
KDNK	**100.0**	**5.3**	**4.7**	**4.7**	**4.5**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**1.3**	**-**	**1.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

Pertumbuhan tahunan (%)	Bahagian 2018 (%)	2018			2019
		S1	S4	Tahun	S1
Perkhidmatan	56.7	6.5	6.9	6.8	6.4
Perkilangan	22.4	5.2	4.7	5.0	4.2
Perlombongan	7.6	-0.6	-0.7	-2.6	-2.1
Pertanian	7.3	3.1	-0.1	0.1	5.6
Pembinaan	4.9	4.9	2.6	4.2	0.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.3**	**4.7**	**4.7**	**4.5**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3:

Imbangan Pembayaran[1]

	2018			2019
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	13.6	10.8	30.6	16.4
(% daripada PNK)	4.0	3.0	2.2	4.7
Barangan	34.2	32.7	119.2	33.8
Perkhidmatan	-5.5	-3.8	-17.7	-1.8
Pendapatan primer	-10.4	-12.9	-51.6	-10.1
Pendapatan sekunder	-4.6	-5.2	-19.3	-5.5
Akaun Kewangan	**11.9**	**-6.1**	**18.6**	**-13.8**
Pelaburan langsung	9.2	2.1	11.3	16.3
Aset	*-3.2*	*-10.0*	*-23.3*	*-6.9*
Liabiliti	*12.4*	*12.1*	*34.6*	*23.1*
Pelaburan portfolio	-1.5	-5.8	-44.4	2.1
Aset	*-9.6*	*-3.3*	*-9.1*	*-11.4*
Liabiliti	*8.1*	*-2.5*	*-35.3*	*13.5*
Derivatif kewangan	0.8	-0.7	1.0	-0.2
Pelaburan lain	3.3	-1.8	50.7	-31.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-7.3	-10.8	-41.3	2.9
Imbangan Keseluruhan	**18.2**	**-6.1**	**7.8**	**5.5**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai sejak S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4:

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2018		2019
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**884.9**	**924.9**	**903.7**
Bersamaan dengan USD bilion	*226.9*	*221.0*	*219.3*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	146.4	153.2	158.1
Peminjaman antara bank[1]	169.7	204.1	175.7
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	129.0	136.5	140.9
Pinjaman[1]	67.3	73.2	72.1
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	210.2	180.2	186.9
Deposit bukan pemastautin	87.8	98.2	93.6
Lain-lain[2]	74.6	79.5	76.3
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	534.0	519.6	535.2
Jangka pendek	350.9	405.3	368.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	312.3	287.5	295.7
Asing	572.7	637.4	607.9
Jumlah hutang/KDNK (%)	61.2	63.9	59.5
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	39.7	43.8	40.8
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.0	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 April 2019.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5:

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2018			2019	2018			2019
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pertukaran pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah pembiayaan bersih	**36.7**	**30.5**	**133.8**	**22.5**	**6.3**	**5.8**	**5.8**	**5.1**
Pinjaman terkumpul[1,2]	18.4	23.6	88.7	8.3	3.9	5.1	5.1	4.5
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan	8.6	3.9	28.6	0.9	1.3	4.6	4.6	3.3
PKS[3]	*2.1*	*-0.4*	*2.0*	*-1.8*	*4.8*	*0.6*	*0.6*	*-0.6*
Bukan PKS	*6.5*	*4.3*	*26.6*	*2.7*	*-2.0*	*8.6*	*8.6*	*7.2*
Isi rumah	11.6	14.5	52.3	10.2	5.2	5.2	5.2	5.0
Bon korporat terkumpul	18.3	6.9	45.2	14.2	14.1	8.0	8.0	7.1

[1] Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6:

Penunjuk Pinjaman

	2018			2019	2018			2019
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah								
Permohonan pinjaman[1]	209.1	200.1	859.8	192.3	5.9	-8.0	2.2	-8.0
Kelulusan pinjaman[1]	90.3	103.2	397.7	89.2	3.3	-0.9	4.6	-1.3
Pengeluaran pinjaman[2]	300.5	340.7	1,256.6	312.2	1.7	9.9	7.3	3.9
Bayaran balik pinjaman[2]	296.2	332.7	1,236.8	317.7	1.2	10.8	6.7	7.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	94.2	86.5	380.0	83.2	9.0	-13.4	2.7	-11.7
Kelulusan pinjaman	39.7	50.9	186.1	40.1	-3.1	-1.3	4.7	1.1
Pengeluaran pinjaman	210.2	248.3	898.7	220.3	-1.7	13.0	7.5	4.8
Bayaran balik pinjaman	206.0	244.9	889.6	225.7	-2.2	13.2	6.6	9.6
PKS[4]								
Permohonan pinjaman	44.0	43.3	181.9	43.5	7.0	-9.3	2.6	-1.1
Kelulusan pinjaman	15.1	16.3	65.5	15.2	8.3	-11.6	1.4	0.5
Pengeluaran pinjaman	75.9	80.8	307.3	75.4	5.7	3.1	3.7	-0.7
Bayaran balik pinjaman	74.7	79.3	304.3	76.5	7.0	8.1	6.4	2.4
Bukan PKS[3]								
Permohonan pinjaman	50.2	43.2	198.1	39.7	10.9	-17.2	2.7	-21.0
Kelulusan pinjaman	24.6	34.5	120.6	25.0	-8.9	4.4	6.6	1.6
Pengeluaran pinjaman	134.3	167.5	591.4	144.9	-5.4	18.6	9.6	7.9
Bayaran balik pinjaman	131.3	165.6	585.3	149.2	-6.7	15.8	6.7	13.7
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	114.9	113.5	479.8	109.1	3.4	-3.5	1.8	-5.0
Kelulusan pinjaman	50.6	52.3	211.5	49.0	9.0	-0.5	4.5	-3.1
Pengeluaran pinjaman	90.3	92.4	357.9	91.9	10.6	2.4	6.7	1.7
Bayaran balik pinjaman	90.2	87.7	347.2	91.9	10.1	4.7	6.9	1.9

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7:

Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2018				2019
	S1	S2	S3	S4	S1
Pulangan atas ekuiti (%)	12.4	13.3	12.7	12.6	11.7
Pulangan atas aset (%)	1.4	1.5	1.4	1.5	1.3
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	12,045	12,046	12,253	12,492	12,205
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,606	2,515	2,479	2,491	2,548
Tolak: Kos operasi[1]	8,101	7,838	7,725	8,205	8,294
Keuntungan operasi kasar	6,550	6,723	7,007	6,778	6,460
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	682	429	630	678	-8
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,868	6,294	6,377	6,100	6,468
Campur: Pendapatan lain	3,048	4,063	2,228	3,369	2,537
Untung sebelum cukai	**8,916**	**10,356**	**8,605**	**9,469**	**9,005**
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti *(mata peratusan)*	0.6	0.6	-0.1	-0.4	-0.7
Pulangan atas aset *(mata peratusan)*	0.1	0.1	0.0	-0.03	-0.1
Pendapatan faedah bersih	6.7	3.6	4.3	7.1	1.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi	4.3	-0.5	-3.0	-18.0	-2.2
Tolak: Kos operasi[1]	7.1	2.2	0.5	0.3	2.2
Keuntungan operasi kasar	5.2	3.8	5.9	4.0	-1.3
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	126.9	-47.9	19.3	63.5	-101.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	-0.9	11.3	4.7	-0.1	10.3
Campur: Pendapatan lain	52.0	13.6	-26.7	-12.2	-17.0
Untung sebelum cukai	**12.4**	**12.2**	**-5.8**	**-4.7**	**1.0**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan bagi bank yang belum menerima pakai Piawaian Pelepasan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9); dan Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit bagi bank yang telah menerima pakai MFRS 9

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8:

Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2018				2019
	S1	S2	S3	S4	S1
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,095	-1.222	7,610	-1,011	5,361
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	561	759	1,207	476	660
Nisbah tuntutan (%)	57	59	53	57	56
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-33.1	-127.7	116.3	-120.5	30.9
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	13.4	-0.4	84.7	-39.2	17.6
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-6.0	3.7	-7.9	2.3	-0.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9:

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2018[a]			2019[a]
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	54.3	67.2	232.9	63.7
% pertumbuhan tahunan	*16.5*	*4.0*	*5.7*	*17.2*
Perbelanjaan mengurus	54.9	58.1	231.0	59.5
% pertumbuhan tahunan	*-4.6*	*-0.4*	*6.1*	*8.3*
Akaun semasa	**-0.6**	**9.1**	**1.9**	**4.2**
% daripada KDNK	***-0.2***	***2.4***	***0.1***	***1.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	10.8	28.0	55.3	11.3
% pertumbuhan tahunan	*15.5*	*108.6*	*28.5*	*5.5*
Imbangan keseluruhan	**-11.3**	**-18.9**	**-53.4**	**-7.1**
% daripada KDNK	***-3.3***	***-5.0***	***-3.7***	***-2.0***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	65.7	86.1	286.3	70.8
% pertumbuhan tahunan	*-1.8*	*20.0*	*9.8*	*7.8*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	705.0	741.0	741.0	776.8
% daripada KDNK	*48.7*	*51.2*	*51.2*	*51.2*
Hutang Dalam Negeri	499.5	562.2	562.2	584.4
% daripada KDNK	*34.5*	*38.9*	*38.9*	*38.5*
Hutang Luar Negeri	205.5	178.8	178.8	192.5
% daripada KDNK	*14.2*	*12.4*	*12.4*	*12.7*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*189.6*	*162.1*	*162.1*	*176.2*
% daripada KDNK	*13.1*	*11.2*	*11.2*	*11.6*
Peminjaman luar pesisir	*15.9*	*16.7*	*16.7*	*16.3*
% daripada KDNK	*1.1*	*1.2*	*1.2*	*1.1*

[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia